

Buluh mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

Termasuk bawa hasil baik kepada UPMKB yang dipertanggungjawab menyelidiki potensi industri, kata Dr Ahmad Farhan

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Industri buluh mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak dalam tempoh jangka panjang termasuk membawa hasil baik kepada Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) sebagai universiti yang diberi tanggungjawab menyelidik mengenai potensi industri tersebut.

Naib Canselor UPM Professor Dato Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata pihaknya menyambut baik usaha berimpak tinggi itu bersama pihak mengusahakan industri buluh di Sarawak.

“ Dengan dana disumbangkan kita bukan sahaja dapat membangunkan industri ini, malah membolehkan penyelidikan membantu kita memahami potensi buluh. ”

Professor Dato Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Naib Canselor UPM

“ Dengan dana disumbangkan kita bukan sahaja dapat membangunkan industri ini, malah membolehkan penyelidikan membantu kita memahami potensi buluh, ” katanya.



HASIL BULUH: Chin (kanan) bersama warga UPMKB melihat hasil buluh yang dipamerkan.

Dr Ahmad mengulas mengenai kerjasama diusahakan UPMKB dengan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) menurut kenyataan UPMKB yang mengumpul lebih 840 spesimen buluh.

Ia dilihat bukan sahaja untuk tujuan penyelidikan tetapi membuka peluang dalam industri buluh mapan di Sarawak.

Beliau berkata demikian semasa mengiringi lawatan bersama Pro Canselor UPM Tan Sri Peter Chin di Taman Buluh Ladang Kongsi 2 UPM Kampus Bintulu petang kelmarin.

Lawatan itu turut disertai Pengarah Kampus UPMKB

Professor Dr Shahrul Razid Sarbini serta pengurusan UPMKB.

Sementara itu, Ketua Projek Bambusetum yang juga pensyarah kanan UPMKB Professor Madya Dr Ong Kian Huat berkata kerjasama UPMKB dan pihak terbabit bukan sahaja menyumbang perkembangan bidang industri berkaitan di Sarawak malah dalam jangka panjang membawa hasil kepada UPM.

“ Dengan dana diberikan kita dapat membangunkan taman buluh yang cantik, di mana kita dapat koleksi buluh tempatan dan luar negara yang boleh digunakan sebagai taman pendidikan



DR ONG

untuk orang awam, ” jelasnya.